



29 April 2014  
29 April 2014  
P.U. (A) 117

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT) (PINDAAN) 2014

### *MALAYSIA CO-OPERATIVE SOCIETIES COMMISSION (CENTRAL LIQUIDITY FUND) (AMENDMENT) REGULATIONS 2014*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA 2007**

**PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA  
(KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT) (PINDAAN) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 42(3) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [*Akta 665*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) (Pindaan) 2014.**
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2014.

**Pindaan peraturan 9**

2. Subperaturan 9(1) Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) 2010 [P.U. (A) 292/2010] dipinda—
  - (a) dengan menggantikan perkataan “Suatu koperasi ditetapkan atau koperasi tidak ditetapkan” dengan perkataan “Suatu koperasi tidak ditetapkan”; dan
  - (b) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “koperasi ditetapkan atau koperasi tidak ditetapkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,” dengan perkataan “koperasi tidak ditetapkan itu”.